

## LAMPIRAN A

### Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Skim ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan ketika pendaftaran kemasukan ke semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih **yang telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** bagi anak-anak Veteran ATM sebagai galakan dan motivasi untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi. Bantuan dibayar secara sekaligus. Kadar terkini adalah RM1,000.00 untuk pengajian peringkat Diploma dan RM1,500.00 untuk pengajian peringkat Ijazah Pertama.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- a) Permohonan adalah **DIHADKAN** kepada semua IPTA di bawah pengendalian Kementerian Pengajian Tinggi dan IPTS terpilih sahaja;
- b) Bantuan ini hanya layak bagi anak veteran **yang menerima tawaran mulai 1 Julai 2020 ke atas sahaja** yang boleh memohon bantuan ini;
- c) Pengajian yang diikuti hendaklah **sepenuh masa** di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama;
- d) Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh setahun dari tarikh kemasukan / pendaftaran ke IPTA / IPTS terpilih;
- e) Setiap anak hanya layak menerima satu bantuan sahaja sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama;
- f) Setiap anak hanya layak menerima satu bantuan sahaja sama ada IPTA atau IPTS
- g) Umur bagi anak veteran ATM hendaklah tidak melebihi 23 tahun ketika pendaftaran / kemasukan ke IPT;
- h) Kursus yang berbentuk latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan adalah **TIDAK LAYAK**. (Contoh: *matrikulasi, latihan ketenteraan, kursus perguruan, separa perubatan, institut kemahiran*);
- i) Kursus pengajian profesional **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan;
- j) Pembayaran bantuan hendaklah menggunakan akaun peribadi individu yang diluluskan sahaja. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan; dan
- k) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon. Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu. (*Rujukan: Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*).